BAB 1

# Kerajaan Awal Melayu

## BAHAGIAN A

*Jawab semua soalan.*

### 1.1 Konsep Alam Melayu

1 Di manakah kedudukan Alam Melayu? BUKU TEKS
- A Bahagian kutub benua Eropah
- B Bahagian tenggara benua Asia
- C Bahagian barat benua Oceania
- D Bahagian selatan benua Amerika

Mengingat | Tajuk 5 | Aras R

2 Maklumat berikut berkaitan dengan konsep Alam Melayu.

X

↓

Alam Melayu merupakan gugusan tanah luas terbentang yang menghubungkan kawasan daratan dengan kepulauan.

Apakah X? BUKU TEKS m.s. 4
- A Jalan Sutera
- B Tanah Besar
- C Pentas Sunda
- D Kepulauan Melayu

Mengingat | Tajuk 5 | Aras R

3 Apakah kawasan yang merangkumi Alam Melayu? BUKU TEKS m.s. 4

I Lautan
II Kepulauan
III Tanah besar
IV Lembah sungai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Mengingat | Tajuk 5 | Aras R

4 Peta berikut menunjukkan liputan kawasan Alam Melayu mengikut pendapat seorang tokoh tempatan.



Siapakah tokoh tersebut? BUKU TEKS
- A Profesor Dr. Ding Choo Ming
- B Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar
- C Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Pendeta (Dr.) Ismail Hussein
- D Profesor Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman

Mengingat | Tajuk 5 | Aras S

5 Maklumat berikut berkaitan dengan pendapat seorang tokoh mengenai konsep Alam Melayu dari sudut geografi.

Kepulauan Melayu meliputi Tanah Melayu hingga Tenasserim dari Kepulauan Nicobar, Filipina dan Kepulauan Solomon hingga Papua New Guinea.

Siapakah tokoh tersebut? BUKU TEKS m.s. 5
- A Alfred Russel Wallace
- B Profesor Dr. Ding Choo Ming
- C Dato' A. Aziz Deraman
- D Abdul Hadi Haji Hassan

Mengingat | Tajuk 5 | Aras S

6 Mengapakah bahasa Melayu mempunyai perkaitan dengan bahasa serumpun di Alam Melayu? BUKU TEKS m.s. 6
- A Perluasan kuasa
- B Pertalian kekeluargaan
- C Arahan pemerintahan
- D Hubungan perdagangan

Memahami | Tajuk 5 | Aras R

7 Maklumat berikut menunjukkan persamaan bunyi perkataan bagi beberapa etnik di Alam Melayu.

| Bahasa Melayu | Bahasa X |
|---|---|
| Empat | Papat |

Apakah bahasa X ? BUKU TEKS m.s. 6
- A Brunei
- B Filipina
- C Sarawak
- D Indonesia

Mengingat | Tajuk 5 | Aras R

8 Masyarakat Alam Melayu telah mencapai kemajuan dalam bidang kesenian. Apakah kesenian tersebut? BUKU TEKS m.s. 7

I Perbuatan gangsa
II Penghasilan tembikar
III Aktiviti melebur bijih timah
IV Seni mempertahankan diri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Mengingat | Tajuk 5 | Aras R



LIVEWORKSHEETS

## 1.2 Kewujudan Kerajaan di Alam Melayu

9 Kerajaan Alam Melayu telah bermula daripada petempatan kecil yang berkembang menjadi pelabuhan.
Apakah kesan perkembangan pelabuhan terhadap kawasan di Alam Melayu? BUKU TEKS m.s. 8
**A** Kemajuan seni bina
**B** Pertembungan budaya
**C** Pertambahan penduduk
**D** Muncul menjadi kerajaan

Mengingat | Tajuk 5 | Aras R

10 Apakah kerajaan Alam Melayu yang terletak di Lembah Sungai Mekong? BUKU TEKS m.s. 8
I Kerajaan Funan
II Kerajaan Angkor
III Kerajaan Kedah Tua
IV Kerajaan Gangga Nagara
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

Memahami | Tajuk 5 | Aras R

11 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah kerajaan Alam Melayu. BUKU TEKS m.s. 8

| Ciri-ciri | Keterangan |
|---|---|
| Lokasi | Lembah Sungai Brantas, Jawa Timur |
| Masa | Abad Ke-13 |
| Pusat Kerajaan | Kota Trowulan |

Apakah kerajaan Alam Melayu tersebut?
**A** Kerajaan Champa
**B** Kerajaan Srivijaya
**C** Kerajaan Majapahit
**D** Kerajaan Kedah Tua

Mengingat | Tajuk 5 | Aras R

LIVEWORKSHEETS